



29 Mei 2024
29 May 2024
P.U. (A) 138

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) (PERKAHWINAN, PERCERAIAN DAN RUJU') 2024

ISLAMIC FAMILY LAW (FEDERAL TERRITORIES) (MARRIAGE, DIVORCE AND RUJU') RULES 2024

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1984

KAEDAH-KAEDAH UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH-WILAYAH
PERSEKUTUAN) (PERKAHWINAN, PERCERAIAN DAN RUJU') 2024

SUSUNAN KAEDAH

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Kaedah

1. Nama dan permulaan kuat kuasa

BAHAGIAN II
KEBENARAN BERKAHWIN

2. Permohonan kebenaran berkahwin
3. Permohonan kebenaran berkahwin bagi bukan warganegara Malaysia
4. Kebenaran berkahwin
5. Permohonan kepada Hakim Syarie
6. Permohonan kebenaran untuk berkahwin di bawah umur
7. Keterangan lanjut
8. Pendengaran permohonan

BAHAGIAN III
PENGURUSAN PERKAHWINAN, PERCERAIAN DAN RUJU'

9. Upacara akad nikah
10. Surat perakuan nikah dan surat perakuan ta'liq
11. Kad perakuan nikah
12. Pendaftaran perkahwinan luar negeri dan pendaftaran sukarela
13. Pendaftaran perceraian dan pembatalan

Kaedah

14. Pendaftaran persekedudukan semula atau ruju'
15. Daftar

BAHAGIAN IV
PELBAGAI

16. Kursus praperkahwinan Islam
17. Pemeriksaan daftar
18. Pembatalan
19. Kecualian

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

AKTA UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1984

KAEDAH-KAEDAH UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH-WILAYAH
PERSEKUTUAN) (PERKAHWINAN, PERCERAIAN DAN RUJU') 2024

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 134(3) Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 [*Akta 303*], Yang di-Pertuan Agong, atas nasihat Majlis, membuat kaedah-kaedah yang berikut:

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Perkahwinan, Perceraian dan Ruju') 2024**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 1 Jun 2024.

BAHAGIAN II
KEBENARAN BERKAHWIN

Permohonan kebenaran berkahwin

2. (1) Permohonan kebenaran berkahwin di bawah subseksyen 16(1) Akta hendaklah dibuat dalam Borang 1A Jadual Kedua oleh pemohon lelaki atau Borang 1B Jadual Kedua oleh pemohon perempuan dan disertakan dengan bayaran fi yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

(2) Tiap-tiap permohonan hendaklah disertakan dengan dokumen yang berikut:

(a) suatu salinan kad pengenalan pemohon dan bakal suami atau bakal isteri, mengikut mana-mana yang berkenaan, atau jika tiada

kad pengenalan, apa-apa dokumen pengenalan diri pemohon, bakal suami atau bakal isteri sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar;

(b) dalam hal pemohon yang belum pernah berkahwin, suatu sijil kursus praperkahwinan Islam yang dikeluarkan di bawah kaedah 16 atau apa-apa bentuk perakuan berkenaan dengan kehadiran pemohon dalam kursus praperkahwinan Islam melainkan jika dia mendapat pengecualian daripada menghadiri kursus praperkahwinan Islam daripada Ketua Pendaftar;

(c) suatu surat pengesahan pemastautinan jika alamat yang dinyatakan dalam kad pengenalan itu bukan alamat di Wilayah Persekutuan;

(d) dalam hal pemohon ialah seorang balu atau duda—

(i) suatu Perakuan Kematian pasangannya yang dikeluarkan di bawah Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 [Akta 299]; atau

(ii) jika tiada Perakuan Kematian yang disebut dalam subperenggan (i)—

(A) suatu cabutan maklumat yang diperakukan daripada rekod kematian rasmi yang terkandung dalam daftar di bawah seksyen 33 Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 yang menunjukkan nama dan tarikh kematian pasangan itu; atau

(B) apa-apa dokumen lain yang berkaitan yang membuktikan kematian pasangan itu yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang berkaitan bagi negara di mana pasangan itu mati;

(e) dalam hal perempuan yang suaminya hilang atau dipercayai telah mati—

(i) suatu perakuan menganggap kematian suami itu yang dikeluarkan di bawah seksyen 53 Akta atau di bawah undang-undang keluarga Islam mana-mana Negeri; atau

(ii) apa-apa dokumen lain yang berkaitan yang menunjukkan suaminya telah dianggap mati yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang berkaitan bagi negara di mana suaminya dipercayai hilang;

(f) dalam hal pemohon yang asalnya bukan beragama Islam—

(i) suatu Perakuan Masuk Islam yang dikeluarkan oleh Pendaftar Muallaf di bawah seksyen 90 Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505] atau pihak berkuasa agama di bawah undang-undang pentadbiran Islam mana-mana Negeri; atau

(ii) jika tiada Perakuan Masuk Islam yang disebut dalam subperenggan (i), apa-apa dokumen lain yang berkaitan yang membuktikan pemohon itu telah masuk Islam.

(3) Permohonan yang disebut dalam perenggan (2)(d) dan (e) hendaklah disertakan dengan—

(a) suatu surat perakuan nikah dengan pasangan yang telah mati atau hilang itu yang telah dikeluarkan di bawah subseksyen 26(1) Akta atau di bawah undang-undang keluarga Islam mana-mana Negeri; atau

(b) jika tiada surat perakuan nikah, apa-apa dokumen lain yang berkaitan yang membuktikan perkahwinannya dengan pasangan itu.

(4) Sebagai tambahan kepada dokumen yang disebut dalam subkaedah (2), permohonan itu hendaklah juga disertakan dengan—

(a) jika pemohon ialah seorang anggota polis atau tentera, suatu surat kebenaran daripada Polis Diraja Malaysia atau Angkatan Tentera Malaysia;

(b) dalam hal seorang pemohon perempuan—

(i) suatu salinan kad pengenalan walinya, atau jika tiada kad pengenalan, apa-apa dokumen pengenalan diri sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar; dan

(ii) suatu salinan surat perakuan nikah atau surat perakuan cerai ibu bapa pemohon yang masing-masing dikeluarkan di bawah subseksyen 26(1) dan 54(4) Akta atau di bawah undang-undang keluarga Islam mana-mana Negeri, atau jika tiada surat perakuan nikah atau surat perakuan cerai, apa-apa dokumen lain yang membuktikan sehingga memuaskan hati Pendaftar tentang kewujudan pernikahan atau perceraian ibu bapa pemohon itu.

(5) Dalam hal keadaan jika permohonan yang menghendaki kebenaran untuk berkahwin daripada Hakim Syarie terlebih dahulu di bawah seksyen 18 dan 23 Akta, permohonan itu hendaklah disertakan dengan perintah kebenaran untuk berkahwin yang masing-masing dikeluarkan di bawah subseksyen 18(2) dan 23(4) Akta.

(6) Apa-apa dokumen yang dikehendaki untuk dikemukakan di bawah kaedah ini hendaklah diperaku oleh pihak berkuasa berkenaan.

(7) Walau apa pun kaedah ini, Pendaftar boleh, atas alasan yang munasabah, mengecualikan pengemukaan apa-apa dokumen oleh pemohon.

Permohonan kebenaran berkahwin bagi bukan warganegara Malaysia

3. (1) Sebagai tambahan kepada dokumen yang disebut dalam kaedah 2, bagi pemohon yang bukan warganegara Malaysia, permohonan hendaklah disertakan dengan—

- (a) suatu surat pengesahan pas bagi tujuan perkahwinan yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia;
- (b) suatu surat kebenaran berkahwin daripada Kedutaan negara pemohon dan diperaku oleh Kementerian Luar Negeri;
- (c) dalam hal pemohon yang berniat untuk berpoligami, suatu salinan surat perakuan nikah, surat perakuan cerai atau surat perakuan persekedudukan semula atau ruju', mengikut mana-mana yang berkenaan, yang diperaku oleh Kedutaan, Suruhanjaya Tinggi atau Pejabat Konsul di Malaysia; dan
- (d) apa-apa maklumat atau dokumen lain sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar.

(2) Kaedah ini hendaklah juga terpakai bagi penduduk tetap.

Kebeneran berkahwin

4. Tertakluk pada peruntukan Bahagian ini dan bayaran fi yang ditetapkan dalam Jadual Pertama, Pendaftar hendaklah mengeluarkan kebenaran berkahwin di bawah seksyen 17 Akta dalam Borang 3 Jadual Kedua.

Permohonan kepada Hakim Syarie

5. Permohonan kepada Hakim Syarie berhubung dengan kes yang disebut di bawah subseksyen 18(1) Akta hendaklah dibuat melalui suatu permohonan dan disokong oleh suatu affidavit mengikut seksyen 13 Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998 [*Akta 585*].

Permohonan kebenaran untuk berkahwin di bawah umur

6. (1) Tertakluk pada kaedah 5, permohonan kepada Hakim Syarie untuk kebenaran untuk berkahwin di bawah umur di bawah perenggan 18(1)(a) Akta hendaklah dibuat oleh ibu atau bapa atau penjaga pemohon bagi pihak pemohon dan disertakan dengan—

(a) suatu affidavit ibu atau bapa atau penjaga pemohon itu, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan

(b) suatu affidavit bakal suami atau bakal isteri, atau jika bakal suami atau bakal isteri itu juga merupakan seseorang bawah umur, suatu affidavit ibu atau bapa atau penjaga bakal suami atau bakal isteri yang di bawah umur itu.

(2) Affidavit ibu atau bapa atau penjaga pemohon yang disebut dalam perenggan 1(a) hendaklah mengandungi—

(a) nama, umur dan status perkahwinan pemohon; dan

(b) alasan-alasan bagi perkahwinan yang dicadangkan itu.

(3) Dalam hal pemohon lelaki, sebagai tambahan kepada maklumat yang dinyatakan dalam subkaedah (2), affidavit ibu atau bapa atau penjaga pemohon itu hendaklah turut menyatakan tentang kemampuan pemohon untuk menanggung nafkah bakal isterinya semasa perkahwinan.

(4) Affidavit bakal suami atau bakal isteri, atau affidavit ibu atau bapa atau penjaga bakal suami atau bakal isteri, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang disebut dalam perenggan 1(b) hendaklah mengandungi—

(a) nama, umur dan status perkahwinan bakal suami atau bakal isteri, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan

(b) alasan-alasan bagi perkahwinan yang dicadangkan itu.

(5) Dalam hal pemohon perempuan, sebagai tambahan kepada maklumat yang dinyatakan dalam subkaedah (4), affidavit bakal suami atau ibu atau bapa atau penjaga kepada bakal suami itu hendaklah turut menyatakan tentang kemampuan bakal suami untuk menanggung nafkah pemohon semasa perkahwinan.

Keterangan lanjut

7. (1) Sebelum mendengar permohonan untuk kebenaran berkahwin, Hakim Syarie boleh menghendaki—

(a) pemohon dan bakal isteri atau bakal suaminya, mengikut mana-mana yang berkenaan—

(i) untuk menjalani pemeriksaan kesihatan di mana-mana hospital, pusat kesihatan atau institusi kesihatan yang lain; atau

(ii) untuk menghadiri suatu sesi interaktif kekeluargaan sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Hakim Syarie itu;

(b) mana-mana pegawai perubatan untuk menyediakan dan mengemukakan kepada Hakim Syarie itu suatu laporan perubatan bagi pemeriksaan kesihatan yang disebut dalam subperenggan (1)(a)(i);

(c) mana-mana Pegawai Kebajikan Masyarakat untuk menyediakan dan mengemukakan kepada Hakim Syarie itu suatu laporan sosial pemohon termasuk apa-apa perintah daripada Mahkamah bagi kanak-kanak yang dibuat di bawah subseksyen 91(1) Akta Kanak-Kanak 2001 [*Akta 611*], jika ada; atau

(d) mana-mana pegawai polis untuk menyediakan dan mengemukakan kepada Hakim Syarie itu suatu laporan tentang rekod jenayah bakal suami atau bakal isteri jika bakal suami atau bakal isteri itu melebihi umur lapan belas tahun, jika ada.

(2) Bagi maksud perenggan (1)(c), “Pegawai Kebajikan Masyarakat” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Kanak-Kanak 2001.

Pendengaran permohonan

8. (1) Hakim Syarie boleh, setelah menerima apa-apa laporan yang dikehendakinya di bawah kaedah 7, mengarahkan—

(a) pemohon dan bakal isteri atau bakal suaminya, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan

(b) ibu atau bapa atau penjaga pemohon,

supaya hadir di hadapannya bagi pendengaran tentang kesediaan pihak-pihak kepada perkahwinan yang dicadangkan itu termasuk persetujuan pemohon terhadap perkahwinan itu.

(2) Hakim Syarie boleh, pada bila-bila masa sebelum membuat keputusan, memanggil mana-mana orang lain untuk memberi keterangan sebagaimana yang difikirkan olehnya patut.

(3) Dalam menentukan sama ada kebenaran berkahwin itu boleh diberikan, Hakim Syarie itu hendaklah mengambil kira perkara yang berikut:

(a) kebajikan dan kepentingan terbaik pemohon dan bakal suami atau bakal isteri, mengikut mana-mana yang berkenaan;

(b) kewajaran perkahwinan yang dicadangkan itu; dan

(c) sama ada perkahwinan yang dicadangkan itu boleh menyebabkan kemudharatan kepada pihak-pihak dalam perkahwinan.

(4) Hakim Syarie boleh, semasa memberikan kebenaran berkahwin itu—

- (a) memerintahkan pemohon lelaki atau bakal suami untuk membayar nafkah dalam tempoh perkahwinan kepada bakal isteri atau pemohon perempuan masing-masing; atau
- (b) membuat apa-apa perintah lain yang difikirkan olehnya wajar untuk menjaga kepentingan terbaik pemohon di bawah umur bagi perkahwinan yang dicadangkan itu.

(5) Perintah bagi kebenaran untuk berkahwin itu hendaklah dibuat dalam Borang 2 Jadual Kedua.

BAHAGIAN III PENGURUSAN PERKAHWINAN, PERCERAIAN DAN RUJU'

Upacara akad nikah

9. Upacara akad nikah hendaklah dijalankan mengikut tatacara yang ditentukan oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan.

Surat perakuan nikah dan surat perakuan ta'liq

10. Tertakluk pada bayaran fi yang ditetapkan dalam Jadual Pertama, Pendaftar hendaklah mengeluarkan surat perakuan nikah dan surat perakuan ta'liq di bawah seksyen 26 Akta dalam Borang 4 Jadual Kedua.

Kad perakuan nikah

11. (1) Mana-mana orang yang perkahwinannya telah didaftarkan di bawah Akta boleh memohon kepada Pendaftar untuk suatu kad perakuan nikah dalam Borang 5 Jadual Kedua dan permohonan itu hendaklah disertakan dengan bayaran fi yang ditetapkan dalam Jadual Pertama serta suatu salinan surat perakuan nikahnya.

(2) Apabila menerima permohonan yang disebut dalam subkaedah (1), Pendaftar hendaklah menyebabkan suatu kad perakuan nikah yang mengandungi butir-butir mengenai perkahwinan itu dikeluarkan kepada orang itu.

Pendaftaran perkahwinan luar negeri dan pendaftaran sukarela

12. (1) Permohonan bagi pendaftaran perkahwinan luar negeri dan pendaftaran sukarela masing-masing di bawah seksyen 31 dan 33 Akta hendaklah dibuat dalam Borang 6 Jadual Kedua.

(2) Surat perakuan nikah atau apa-apa keterangan lain yang disebut dalam perenggan 31(2)(a) Akta hendaklah—

(a) diperakui oleh Kedutaan, Suruhanjaya Tinggi atau Pejabat Konsulat Malaysia di negara berkenaan, kedutaan negara berkenaan di Malaysia dan Kementerian Luar Negeri; dan

(b) disertakan dengan terjemahan dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris.

(3) Setiap salinan diperakui bagi catatan dalam Daftar Perkahwinan bagi pendaftaran perkahwinan luar negeri yang disebut dalam subseksyen 31(4) Akta atau pendaftaran sukarela yang disebut dalam subseksyen 33(5) Akta hendaklah masing-masing dikeluarkan dalam Borang 7 atau 8 Jadual Kedua.

Pendaftaran perceraian dan pembatalan

13. (1) Mana-mana pihak kepada perkahwinan boleh memohon secara bertulis kepada Ketua Pendaftar bagi pendaftaran surat perakuan cerai atau surat perakuan pembatalan.

(2) Permohonan di bawah subkaedah (1) hendaklah disertakan dengan—

(a) bayaran fi yang ditetapkan dalam Jadual Pertama;

(b) suatu salinan kad pengenalan pemohon atau, jika tiada kad pengenalan, apa-apa dokumen pengenalan dirinya sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pendaftar;

- (c) suatu perintah perceraian atau pembatalan yang dikeluarkan oleh Mahkamah;
- (d) suatu surat perakuan nikah atau surat persekedudukan semula atau ruju' pemohon, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan
- (e) apa-apa maklumat atau dokumen lain sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pendaftar.

(3) Apabila permohonan yang disebut di bawah subkaedah (1) diluluskan, Ketua Pendaftar hendaklah mengeluarkan surat perakuan cerai atau surat perakuan pembatalan masing-masing dalam Borang 9 atau 10 Jadual Kedua.

Pendaftaran persekedudukan semula atau ruju'

14. (1) Mana-mana pihak kepada perkahwinan boleh memohon secara bertulis kepada Pendaftar untuk mendaftarkan persekedudukan semula atau ruju'.

(2) Permohonan di bawah subkaedah (1) hendaklah disertakan dengan—

- (a) bayaran fi yang ditetapkan dalam Jadual Pertama;
- (b) suatu salinan kad pengenalan pemohon, atau jika tiada kad pengenalan, apa-apa dokumen pengenalan diri sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar;
- (c) suatu perintah perceraian atau perintah pengesahan persekedudukan semula atau ruju', jika berkenaan, yang dikeluarkan oleh Mahkamah atau surat perakuan cerai; dan
- (d) apa-apa maklumat atau dokumen lain sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar.

(3) Apabila permohonan yang disebut di bawah subkaedah (1) diluluskan, Ketua Pendaftar atau Pendaftar hendaklah mendaftarkan persekedudukan semula atau ruju' itu di bawah subseksyen 51(6) Akta dan mengeluarkan surat perakuan persekedudukan semula atau ruju' dalam Borang 11 Jadual Kedua.

Daftar

15. Pendaftar hendaklah menyimpan dan menyenggara daftar yang berikut:

- (a) Daftar Perkahwinan dalam Borang 12 Jadual Kedua;
- (b) Daftar Perkahwinan Luar Negeri dalam Borang 13 Jadual Kedua;
- (c) Daftar Perceraian dan Pembatalan dalam Borang 14 Jadual Kedua; dan
- (d) Daftar Persekedudukan Semula atau Ruju' dalam Borang 15 Jadual Kedua.

BAHAGIAN IV

PELBAGAI

Kursus praperkahwinan Islam

16. Mana-mana orang yang berniat untuk berkahwin hendaklah menghadiri dan memperoleh sijil kursus praperkahwinan Islam yang diiktiraf oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan melainkan jika orang itu dikecualikan oleh Ketua Pendaftar.

Pemeriksaan daftar

17. Ketua Pendaftar atau Pendaftar boleh menghendaki mana-mana orang yang berhasrat untuk memeriksa Daftar Perkahwinan untuk mengemukakan suatu salinan kad pengenalan atau, jika tiada kad pengenalan, apa-apa dokumen pengenalan diri sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pendaftar atau Pendaftar.

Pembatalan

18. Kaedah-Kaedah Undang-Undang Keluarga Islam (Borang dan Fi) 1987 [P.U. (A) 142/1987] dibatalkan.

Kecualian

19. Semua permohonan atau perkara lain yang dibuat di bawah Kaedah-Kaedah Undang-Undang Keluarga Islam (Borang dan Fi) 1987, yang disebut sebagai “Kaedah-Kaedah yang dibatalkan” di bawah kaedah ini, yang belum selesai sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Kaedah-Kaedah ini hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Kaedah-Kaedah ini, diuruskan di bawah Kaedah-Kaedah yang dibatalkan seolah-olah Kaedah-Kaedah ini tidak dibuat.

JADUAL PERTAMA

[Kaedah 2, 4, 10, 11, 13 dan 14]

AKTA UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1984

[Seksyen 16]

KAEDAH-KAEDAH UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN)
(PERKAHWINAN, PERCERAIAN DAN RUJU') 2024

FI

Bil.	Butiran	Fi (RM)	
		Warganegara/ Salah Seorang Pasangan Merupakan Warganegara	Bukan Warganegara
1.	Permohonan kebenaran berkahwin	20.00	40.00
2.	Surat Perakuan Nikah dan Surat Perakuan Ta'liq	40.00	80.00
	Penggantian bagi setiap perakuan	50.00	100.00
3.	Permohonan bagi Kad Perakuan Nikah	40.00	80.00
	Penggantian bagi setiap perakuan	50.00	100.00
4.	Surat Perakuan Cerai	40.00	80.00
	Penggantian bagi setiap perakuan	50.00	100.00
5.	Surat Perakuan Pembatalan	40.00	80.00
	Penggantian bagi setiap perakuan	50.00	100.00
6.	Surat Perakuan Persekedudukan Semula atau Ruju'	40.00	80.00
	Penggantian bagi setiap perakuan	50.00	100.00
7.	Pemeriksaan Daftar Perkahwinan	10.00	20.00
8.	Salinan Catatan dalam Daftar Perkahwinan	10.00	20.00

JADUAL KEDUA

[Kaedah 2, 4, 9, 10, 11, 12, 13, 14 dan 15]

BORANG 1A

AKTA UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1984

[Seksyen 16]

KAEDAH-KAEDAH UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN)
(PERKAHWINAN, PERCERAIAN DAN RUJU') 2024

PERMOHONAN UNTUK KEBENARAN BERKAHWIN (LELAKI)

A. MAKLUMAT PEMOHON

1. Nama:
2. Nombor Kad Pengenalan/Pasport:
3. Nombor Kad Pengenalan Lama:
4. Nombor Tentera/Polis:
5. Tarikh Lahir:
6. Umur:
7. Bangsa:
8. Warganegara:
9. Pendidikan Tertinggi:
10. Pekerjaan:
11. Pendapatan:
12. Alamat Mengikut Kad Pengenalan/Pasport:
13. Alamat Tempat Tinggal Terkini:
14. Nombor Telefon (Bimbit/Rumah):
15. Alamat Tempat Kerja:
16. Nombor Telefon Tempat Kerja:
17. Tarikh Memeluk Islam (Jika berkenaan):
18. E-mel:

B. MAKLUMAT BAKAL ISTERI

1. Nama:
2. Nombor Kad Pengenalan/Pasport:
3. Nombor Kad Pengenalan Lama:
4. Nombor Tentera/Polis:
5. Tarikh Lahir:
6. Umur:
7. Bangsa:
8. Warganegara:
9. Pendidikan Tertinggi:
10. Pekerjaan:
11. Pendapatan:
12. Alamat Mengikut Kad Pengenalan/Pasport:
13. Alamat Tempat Tinggal Terkini:
14. Nombor Telefon (bimbit/rumah):
15. Alamat Tempat Kerja:
16. Nombor Telefon Tempat Kerja:
17. Tarikh Memeluk Islam (Jika berkenaan):
18. E-mel:

C. MAKLUMAT CADANGAN MAJLIS AKAD NIKAH

1. Tarikh Akad Nikah:
2. Alamat Penuh Tempat Akad Nikah:
3. Mas Kahwin:
4. Pemberian


D. PENGAKUAN

1. Saya dengan ini sesungguhnya mengaku bahawa saya ialah seorang yang berstatus bujang/duda/dalam iddah isteri
2. Saya dengan ini sesungguhnya bersetuju terhadap perkahwinan yang dicadangkan ini dan saya sesungguhnya mengaku bahawa segala maklumat yang terkandung dalam borang ini adalah benar dan sekiranya maklumat ini palsu, maka saya telah melakukan suatu kesalahan yang boleh didakwa di bawah seksyen 38 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 [Akta 303].

Tarikh:

.....
Tandatangan Pemohon

Di hadapan saya,




.....
Tandatangan, Cap Nama dan Jawatan
Pendaftar/Penolong Pendaftar/Jurunikah

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

Permohonan ini: **LULUS/TIDAK LULUS**

Catatan:

Tarikh:



.....
Tandatangan, Cap Nama dan Jawatan
Ketua Pendaftar/Pendaftar

BORANG 1B

AKTA UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1984

[Seksyen 16]

KAEDAH-KAEDAH UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN)
(PERKAHWINAN, PERCERAIAN DAN RUJU') 2024

PERMOHONAN UNTUK KEBENARAN BERKAHWIN (PEREMPUAN)

A. MAKLUMAT PEMOHON

1. Nama:
2. Nombor Kad Pengenalan/Pasport:
3. Nombor Kad Pengenalan Lama:
4. Nombor Tentera/Polis:
5. Tarikh Lahir:
6. Umur:
7. Bangsa:
8. Warganegara:
9. Pendidikan Tertinggi:
10. Pekerjaan:
11. Pendapatan:
12. Alamat Mengikut Kad Pengenalan/Pasport:
13. Alamat Tempat Tinggal Terkini:
14. Nombor Telefon (Bimbit/Rumah):
15. Alamat Tempat Kerja:
16. Nombor Telefon Tempat Kerja:
17. Tarikh Memeluk Islam (Jika berkenaan):
18. E-mel:

B. MAKLUMAT BAKAL SUAMI

1. Nama:
2. Nombor Kad Pengenalan/Pasport:
3. Nombor Kad Pengenalan Lama:
4. Nombor Tentera/Polis:
5. Tarikh Lahir:
6. Umur:
7. Bangsa:
8. Warganegara:
9. Pendidikan Tertinggi:
10. Pekerjaan:
11. Pendapatan:
12. Alamat Mengikut Kad Pengenalan/Pasport:
13. Alamat Tempat Tinggal Terkini:
14. Nombor Telefon (Bimbit/Rumah):
15. Alamat Tempat Kerja:
16. Nombor Telefon Tempat Kerja:
17. Tarikh Memeluk Islam (Jika berkenaan):
18. E-mel:

C. MAKLUMAT CADANGAN MAJLIS AKAD NIKAH

1. Tarikh Akad Nikah:
2. Alamat Penuh Tempat Akad Nikah:
3. Mas Kahwin:

D. MAKLUMAT WALI

1. Nama:
2. Nombor Kad Pengenalan/Pasport:
3. Tarikh Lahir:
4. Alamat Tempat Tinggal Terkini:
5. Nombor Telefon (Bimbit/Rumah):
6. Hubungan Wali dengan Pemohon:
7. Tarikh Nikah Ibu Bapa:
8. Persetujuan dan Pengakuan Wali:

Saya dengan ini sesungguhnya bersetuju terhadap perkahwinan yang dicadangkan ini dan saya sesungguhnya mengaku bahawa segala maklumat yang terkandung dalam Bahagian D adalah benar dan sekiranya maklumat ini palsu, maka saya telah melakukan suatu kesalahan yang boleh didakwa di bawah seksyen 38 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 [Akta 303].

Tarikh:

.....
(Tandatangan Wali)


E. PENGAKUAN

1. Saya dengan ini sesungguhnya mengaku bahawa saya ialah seorang yang berstatus
2. Saya dengan ini sesungguhnya bersetuju terhadap perkahwinan yang dicadangkan ini dan saya sesungguhnya mengaku bahawa segala maklumat yang terkandung dalam borang ini adalah benar dan sekiranya maklumat ini palsu, maka saya telah melakukan suatu kesalahan yang boleh didakwa di bawah seksyen 38 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 [Akta 303].

Tarikh:

.....
Tandatangan Pemohon

Di hadapan saya,




.....
Tandatangan, Cap Nama dan Jawatan
Pendaftar/Penolong Pendaftar/Jurunikah

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

Permohonan ini: **LULUS/TIDAK LULUS**

Catatan:

Tarikh:



.....
Tandatangan, Cap Nama dan Jawatan
Ketua Pendaftar/Pendaftar

BORANG 2

AKTA UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1984

[Subseksyen 18(2)]

KAEDAH-KAEDAH UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN)
(PERKAHWINAN, PERCERAIAN DAN RUJU') 2024

PERINTAH KEBENARAN UNTUK BERKAHWIN

Bil. Kebenaran.....Bil. PermohonanBertarikh pada
Saya

(*Nama Hakim Syarie*)

selepas mendengar permohonanmemberi perintah kebenaran
kepada untuk berkahwin dengan di alamat
.....

Jika pihak lelaki mempunyai isteri, kebenaran yang dikehendaki di bawah seksyen 23 telah diberi oleh Mahkamah
di pada Nombor Kes

Tarikh:

.....
Tandatangan Hakim Syarie

KEBENARAN BERKAHWIN DI LUAR KARIAH MASJID

Pendaftar Nikah,
.....

Dimaklumkan bahawa pembawa surat ini
umur No. Kad Pengenalan
alamat
pekerjaan bercadang hendak berkahwin dengan seorang
anak dara/balu/janda* bernama umur
tinggal di
mengikut keterangan yang diperoleh daripada

(*sebutkan sumbernya*)

..... ini adalah seorang yang belum bernikah sebelum ini. Saya tidak ada
halangan supaya tuan menikahkan dengan
..... sekiranya tuan dapati tiada apa-apa halangan mengikut Hukum Syarak
dan undang-undang keluarga Islam di Negeri tuan.

Tarikh:

.....
Tandatangan Hakim Syarie

BORANG 3

AKTA UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1984

[Seksyen 17]

KAEDAH-KAEDAH UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN)
(PERKAHWINAN, PERCERAIAN DAN RUJU') 2024


KEBENARAN BERKAHWIN

Nombor Kebenaran Berkahwin:

Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Ruju' Orang Islam:

1. Saya, (Nama Pendaftar).....
memberi kebenaran kepada (Nama Pemohon)
*Nombor Kad Pengenalan/Pasport: Status:
untuk berkahwin dengan (Nama bakal suami/isteri)
*Nombor Kad Pengenalan/Pasport: Status:
di alamat: (Tempat akad nikah)
2. Saya dengan ini mengesahkan bahawa kebenaran yang dikehendaki di bawah seksyen 23 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 [Akta 303] telah diberikan pada oleh Nombor Kes

Tarikh:



.....
Tandatangan, Cap Nama dan Jawatan
Ketua Pendaftar/Pendaftar

Catatan: Kebenaran berkahwin ini hanya sah bagi tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh kelulusan berkahwin dikeluarkan.

*Nota: Potong yang mana tidak berkenaan

BORANG 4

AKTA UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1984

[Seksyen 26]

KAEDAH-KAEDAH UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN)
(PERKAHWINAN, PERCERAIAN DAN RUJU') 2024

SURAT PERAKUAN NIKAH

Nombor Daftar:

Tarikh Daftar:

Tarikh Akad Nikah:

Masa Akad Nikah:

Tempat Akad Nikah:

Nama Suami:

Kewarganegaraan:

Nombor Kad Pengenalan/Pasport:

Umur:

Alamat:

Nama Isteri:

Kewarganegaraan:

Nombor Kad Pengenalan/Pasport:

Umur:

Alamat:

Nama Wali:

Hubungan:

Nombor Kad Pengenalan/Pasport:

Nama Orang yang Mengakad Nikah:

Nombor Kad Pengenalan/Pasport:

Nama Penolong Pendaftar:

Nombor Kad Pengenalan/Pasport:

Nama Saksi 1:

Nombor Kad Pengenalan/Pasport:


Nama Saksi 2:

Nombor Kad Pengenalan/Pasport:

Mas Kahwin: Hutang/Tunai

Pemberian:

Tarikh:



.....
Tandatangan, Cap Nama dan Jawatan
Pendaftar

SURAT PERAKUAN TA'LIQ


Lafaz Ta'liq

"Adalah saya dengan ini berta'liq bahawa jika,

1. saya tidak bermu'asyarah yang ma'ruf dengan isteri saya,, sama ada saya meninggalkan dia dengan sengaja atau paksaan, atau dia meninggalkan saya dengan paksaan, selama empat bulan qamariah berturut-turut atau lebih; atau
2. saya atau wakil saya tidak memberikan nafkah kepadanya selama empat bulan qamariah berturut-turut atau lebih dan dia tidak disabitkan nusyuz oleh mana-mana Mahkamah Syariah; atau
3. saya melakukan sebarang kemudaratan kepada tubuh badannya, penganiayaan atau darar syarie terhadapnya;

dan apabila dia membuat aduan kepada Mahkamah Syariah dan jika sabit aduannya di sisi Mahkamah Syariah dan dia memberikan kepada Mahkamah Syariah yang menerima bagi pihak saya sebanyak RM10 atau senilai dengannya, maka ketika itu tertalaqlah dia,, dengan talaq khulu'."

Tarikh:



.....
Tandatangan, Cap Nama dan Jawatan
Pendaftar

BORANG 5

AKTA UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1984
KAEDAH-KAEDAH UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN)
(PERKAHWINAN, PERCERAIAN DAN RUJU') 2024

PERMOHONAN BAGI KAD PERAKUAN NIKAH

Bil. Daftar Nikah

(Sila biarkan kosong)

Nama Suami:

Kewarganegaraan:

Nombor Kad Pengenalan/Pasport:

Nama Isteri:

Kewarganegaraan:

Nombor Kad Pengenalan/Pasport:

Tarikh Nikah:

Tempat Nikah:

No. Telefon Pemohon:

Tandatangan Pemohon:

Tarikh:

Syarat-Syarat Permohonan:

1. Pemohon bernikah di Wilayah Persekutuan
2. Hadir bersama pasangan dan ambil gambar di JAWI

.....
Tandatangan Pegawai Bertugas

Nama:

BORANG 6

AKTA UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1984

[Seksyen 31 dan 33]

KAEDAH-KAEDAH UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN)
(PERKAHWINAN, PERCERAIAN DAN RUJU) 2024

PERMOHONAN BAGI PENDAFTARAN PERKAHWINAN LUAR NEGERI ATAU PENDAFTARAN SUKARELA

A. JENIS PERMOHONAN (Untuk kegunaan Pejabat) Perkahwinan Luar Negeri Pendaftaran Sukarela (Orang Islam/Mualaf)**B. MAKLUMAT SUAMI**

1. Nama:
2. Nombor Kad Pengenalan/Pasport:
3. Nombor Kad Pengenalan Lama:
5. Nombor Tentera/Polis:
7. Bangsa:
8. Status Diri Semasa Bernikah:
9. Warganegara:
11. Pendapatan:
12. Tarikh Masuk Islam (Jika berkenaan):
13. Alamat Mengikut Kad Pengenalan/Pasport:
14. Alamat Tempat Tinggal Terkini:
15. Nombor Telefon (Bimbit/Rumah):
16. Alamat Tempat Kerja:
17. Nombor Telefon Tempat Kerja:
18. E-mel:
19. Tempoh Tinggal di Luar Negeri (Jika berkenaan): Dari _____ hingga _____
4. Tarikh Lahir:
6. Umur:
10. Pendidikan Tertinggi:

C. MAKLUMAT ISTERI

1. Nama:
2. Nombor Kad Pengenalan/Pasport:
3. Nombor Kad Pengenalan Lama:
5. Nombor Tentera/Polis:
7. Bangsa:
8. Status Diri Semasa Bernikah:
9. Warganegara:
11. Pendapatan:
12. Tarikh Masuk Islam (Jika berkenaan):
13. Alamat Mengikut Kad Pengenalan/Pasport:
14. Alamat Tempat Tinggal Terkini:
15. Nombor Telefon (Bimbit/Rumah):
16. Alamat Tempat Kerja:
17. Nombor Telefon Tempat Kerja:
18. E-mel:
19. Tempoh Tinggal di Luar Negeri (Jika berkenaan): Dari _____ hingga _____
4. Tarikh Lahir:
6. Umur:
10. Pendidikan Tertinggi :

D. MAKLUMAT WALI

1. Nama:
2. Nombor Kad Pengenalan/Pasport:
3. Tarikh Lahir:
4. Alamat:
5. No. Telefon (Bimbit/Rumah):
6. Hubungan:

E. MAKLUMAT JURUNIKAH

1. Nama:
2. Nombor Kad Pengenalan/Pasport:
3. Alamat:

F. MAKLUMAT MAJLIS AKAD NIKAH

1. Tarikh Akad Nikah:
2. Hari Akad Nikah:
3. Masa Akad Nikah:
4. Poligami: Ya/Tidak
5. Nama Orang Yang Mengakad Nikah:
6. Kategori Wali: Wali/ Wakil Wali/Wali Hakim
7. Nombor Kad Pengenalan/Pasport:
8. Alamat Penuh Tempat Akad Nikah:
9. Sebab Akad Nikah Dilangsungkan di Luar Negeri (Jika berkenaan):
10. Mas Kahwin: Tunai/Hutang
11. Pemberian (Jika ada):
12. Bacaan Lafaz Ta'liq: Ya/Tidak

G. SAKSI-SAKSI AKAD NIKAH**SAKSI 1**

1. Nama Saksi:
2. Nombor Kad Pengenalan/Pasport:
3. Alamat:

SAKSI 2

1. Nama Saksi:
2. Nombor Kad Pengenalan/Pasport:
3. Alamat:

H. PENGAKUAN PEMOHON

Saya mengaku bahawa segala maklumat dan keterangan yang terkandung dalam borang ini adalah benar dan sekiranya palsu, maka saya telah melakukan suatu kesalahan dan boleh didakwa di bawah seksyen 38 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 [Akta 303]. Saya memohon untuk mendaftarkan perkahwinan saya dan disertakan salinan dokumen-dokumen berkaitan untuk tindakan lanjut pihak tuan.

Tarikh:

.....
Tandatangan Pemohon

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

Permohonan ini: **LULUS/TIDAK LULUS**


Catatan:

Tarikh Penerimaan:

Diterima dan disemak oleh:

No. Kebenaran Nikah (jika ada):

No. Daftar Nikah:



.....
Tandatangan, Cap Nama dan Jawatan
Ketua Pendaftar/Pendaftar

BORANG 7

AKTA UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1984

[Seksyen 31]

KAEDAH-KAEDAH UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN)
(PERKAHWINAN, PERCERAIAN DAN RUJU') 2024

CATATAN DALAM DAFTAR PERKAHWINAN BAGI PENDAFTARAN PERKAHWINAN LUAR NEGERI

Nombor Daftar:

Tarikh Daftar:

Tarikh Akad Nikah:

Masa Akad Nikah:

Tempat Akad Nikah:

Nama Suami:

Kewarganegaraan:

Nombor Kad Pengenalan/Pasport:

Umur:

Alamat:

Nama Isteri:

Nombor Kad Pengenalan/Pasport:

Umur:

Alamat:

Nama Wali:

Nombor Kad Pengenalan/Pasport:

Hubungan:

Nama Orang yang Mengakad Nikah:

Nombor Kad Pengenalan/Pasport:

Nama Penolong Pendaftar:

Nombor Kad Pengenalan/Pasport:

Nama Saksi 1:

Nombor Kad Pengenalan/Pasport:


Nama Saksi 2:

Nombor Kad Pengenalan/Pasport:

Mas Kahwin: Hutang/Tunai

Pemberian:

Tarikh:



.....
Tandatangan, Cap Nama dan Jawatan
Ketua Pendaftar/Pendaftar

SURAT PERAKUAN TA'LIQ


Lafaz Ta'liq

"Adalah saya,, dengan ini berta'liq bahawa jika,

1. saya tidak bermu'asyarah yang ma'ruf dengan isteri saya,, sama ada saya meninggalkan dia dengan sengaja atau paksaan, atau dia meninggalkan saya dengan paksaan, selama empat bulan qamariah berturut-turut atau lebih;
2. saya atau wakil saya tidak memberikan nafkah kepadanya selama empat bulan qamariah berturut-turut atau lebih dan dia tidak disabitkan nusyuz oleh mana-mana Mahkamah Syariah; atau
3. saya melakukan sebarang mudarat kepada tubuh badannya, penganiayaan atau darar syarie terhadapnya;

dan apabila dia membuat aduan kepada Mahkamah Syariah dan jika sabit aduannya di sisi Mahkamah Syariah dan dia memberikan kepada Mahkamah Syariah yang menerima bagi pihak saya sebanyak RM10 atau senilai dengannya, maka ketika itu tertalaqlah dia,, dengan talaq khulu'."

Tarikh:



.....
Tandatangan, Cap Nama dan Jawatan
Pendaftar

BORANG 8

AKTA UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1984

[Seksyen 33]

KAEDAH-KAEDAH UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN)
(PERKAHWINAN, PERCERAIAN DAN RUJU') 2024

CATATAN DALAM DAFTAR PERKAHWINAN BAGI PENDAFTARAN SUKARELA

Nombor Daftar:

Tarikh Daftar:

Tarikh Akad Nikah:

Masa Akad Nikah:

Tempat Akad Nikah:

Nama Suami:

Nombor Kad Pengenalan/Pasport:

Warganegara:

Umur:

Tarikh Masuk Islam:

Alamat:

Nama Isteri:

Nombor Kad Pengenalan/Pasport:

Warganegara:


Umur:

Tarikh Masuk Islam:

Alamat:

Catatan Pendaftar:

Tarikh:



.....
Tandatangan, Cap Nama dan Jawatan
Pendaftar

BORANG 9

AKTA UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1984

[Seksyen 54]

KAEDAH-KAEDAH UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN)
(PERKAHWINAN, PERCERAIAN DAN RUJU') 2024

SURAT PERAKUAN CERAI

Nombor Daftar Cerai:

Tarikh Daftar Cerai:

Nombor Kes Mal:

Tarikh Cerai:

Nombor Daftar Nikah:

Tarikh Akad Nikah:

Tempat Daftar Nikah:

Nombor Daftar Ruju':

Tarikh Ruju':

Nama Suami:

Umur:

Nombor Kad Pengenalan/Pasport:

Alamat:

Nama Isteri:

Umur:

Nombor Kad Pengenalan/Pasport:

Alamat:

Cara Perceraian:

Jenis Talaq:

Tempat Bercerai:

Keadaan Isteri Semasa Bercerai:


Tempoh 'Iddah:

Perceraian Kali *Pertama/Kedua/Ketiga

Bilangan Talaq:

Jumlah Talaq:

Tarikh:



.....
Tandatangan, Cap Rasmi dan Jawatan
Ketua Pendaftar

BORANG 10

AKTA UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1984

[Seksyen 54]

KAEDAH-KAEDAH UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN)
(PERKAHWINAN, PERCERAIAN DAN RUJU') 2024

SURAT PERAKUAN PENCERAIAN DAN PEMBATALAN

Nombor Kes Mal:

Tarikh Pembatalan:

Nombor Daftar Pembatalan:

Tarikh Daftar Pembatalan:

Nombor Daftar Perkahwinan:

Tarikh Akad Nikah:

Tempat Akad Nikah:

Nama Suami:

Warganegara:

Nombor Kad Pengenalan:

Umur:

Alamat:

Nama Isteri:

Warganegara:


Nombor Kad pengenalan:

Umur:

Alamat:

Alasan Pembatalan Perkahwinan:

Tarikh:



.....
Tandatangan, Cap Nama dan Jawatan
Ketua Pendaftar

BORANG 11

AKTA UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1984

[Seksyen 51]

KAEDAH-KAEDAH UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN)
(PERKAHWINAN, PERCERAIAN DAN RUJU') 2024

SURAT PERAKUAN PERSEKEDUDUKAN SEMULA ATAU RUJU'

Nombor Daftar Ruju':

Tarikh Ruju':

Tarikh Daftar Ruju':

Ruju' Kali *Pertama/Kedua:

Nombor Daftar Cerai:

Bilangan Talaq:

Tarikh Cerai:

Tempat Daftar Cerai:

Nombor Daftar Nikah:

Tarikh Akad Nikah:

Tempat Daftar Nikah:

Nama Suami:

Warganegara:

Nombor Kad Pengenalan/Pasport:

Umur:

Alamat:

Nama Isteri:

Warganegara:


Nombor Kad Pengenalan/Pasport:

Umur:

Alamat:

Lain-Lain Kenyataan:

Tarikh:



.....
Tandatangan, Cap Nama dan Jawatan
Ketua Pendaftar/Pendaftar

BORANG 12

AKTA UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1984

[Seksyen 134]

KAEDAH-KAEDAH UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) (PERKAHWINAN, PERCERAIAN DAN RUJU') 2024

DAFTAR PERKAHWINAN

Bil.	Tarikh dan Nombor Pendaftaran	Nama dan Nombor Kad Pengenalan Suami dan Isteri	Tarikh dan Tempat Akad Nikah	Nama dan Nombor Kad Pengenalan Jurunikah	Nama dan Nombor Kad Pengenalan <i>Wali/ Hubungan dengan Wali</i>	Nama dan Nombor Kad Pengenalan Saksi	Catatan

BORANG 13

AKTA UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1984

[Seksyen 134]

KAEDAH-KAEDAH UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) (PERKAHWINAN, PERCERAIAN DAN RUJU') 2024

DAFTAR PERKAHWINAN LUAR NEGERI

Bil.	Tarikh dan Nombor Pendaftaran	Nama dan Nombor Kad Pengenalan Suami dan Isteri	Tarikh dan Tempat Akad Nikah	Nama dan Nombor Kad Pengenalan Jurunikah	Nama dan Nombor Kad Pengenalan <i>Wali</i> / Hubungan dengan <i>Wali</i>	Nama dan Nombor Kad Pengenalan Saksi	Catatan

BORANG 14

AKTA UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1984

[Seksyen 134]

KAEDAH-KAEDAH UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) (PERKAHWINAN, PERCERAIAN DAN RUJU') 2024

DAFTAR PERCERAIAN DAN PEMBATALAN

Bil.	Nombor Pendaftaran	Tarikh Pendaftaran	Nama dan Nombor Kad Pengenalan Suami dan Isteri	Tarikh dan Jenis Perceraian/Pembatalan	Nombor Kes Mal	Catatan

BORANG 15

AKTA UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1984

[Kaedah 134]

KAEDAH-KAEDAH UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) (PERKAHWINAN, PERCERAIAN DAN RUJU') 2024

DAFTAR PERSEKEDUDUKAN SEMULA ATAU RUJU'

Bil.	Nombor Pendaftaran	Tarikh Pendaftaran	Nama dan Nombor Kad Pengenalan Suami dan Isteri	Nombor Pendaftaran Perceraian	Tarikh Perceraian	Jenis dan Bilangan Talaq	Tarikh dan Bilangan Ruju'	Catatan

Dibuat 20 Mei 2024
[JAKIM.(S).BUU.600-1/2/3 Jld. 2; PN(PU2)442/IV]

Dengan Titah Perintah

TAN SRI DATO' SERI MOHD ZUKI BIN ALI
Setiausaha Jemaah Menteri

ISLAMIC FAMILY LAW (FEDERAL TERRITORIES) ACT 1984

ISLAMIC FAMILY LAW (FEDERAL TERRITORIES)
(MARRIAGE, DIVORCE AND *RUJU'*) RULES 2024

ARRANGEMENT OF RULES

PART I

COMMENCEMENT

Rule

1. Citation and commencement

PART II

PERMISSION TO MARRY

2. Application for permission to marry
3. Application for permission to marry by non-Malaysian citizen
4. Permission to marry
5. Application to Syariah Judge
6. Application for permission to marry below the age
7. Further evidence
8. Hearing of application

PART III

MANAGEMENT OF MARRIAGE, DIVORCE AND *RUJU'*

9. Solemnization ceremony
10. Marriage certificate and *ta'liq* certificate
11. Marriage certificate card
12. Registration of foreign marriage and voluntary registration
13. Registration of divorce and annulment
14. Registration of recohobitation or *ruju'*
15. Register

PART IV
MISCELLANEOUS

Rule

16. Islamic pre-marriage course
17. Inspection of register
18. Revocation
19. Saving

FIRST SCHEDULE

